

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE
BIN MOHD AKIN [HANG TUAH JAYA]**

TARIKH : 6 OGOS 2020 [KHAMIS]

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk menangani lambakan graduan menganggur akibat sektor pekerjaan yang terjejas oleh wabak pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam memastikan kebolehpasaran graduan ditingkatkan terutamanya selepas impak pandemik COVID-19, dua strategi telah digariskan iaitu pemantapan program *reskilling* dan *upskilling*; serta pemeraksanaan agenda kebolehpasaran graduan. Di bawah strategi pertama, sebagai nilai tambah graduan akan didedahkan dengan pengetahuan baharu dan diberikan persijilan tambahan untuk meningkatkan kadar kebolehpasaran mereka. Melalui program *place and train* pula graduan akan ditempatkan di syarikat-syarikat tertentu untuk didedahkan dengan pengetahuan serta kemahiran sebelum mereka diambil bekerja. Di bawah strategi ini juga pihak kementerian melaksanakan inisiatif padanan pekerjaan melalui kolaborasi dengan rakan-rakan strategik kepada graduan yang masih belum bekerja.

Dalam usaha pemeraksanaan agenda kebolehpasaran graduan, pihak kementerian telah menekankan agar program yang menjadi fokus dan mendapat permintaan daripada industri diberi keutamaan untuk ditawarkan oleh Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

Selain itu, tumpuan turut diberikan oleh Kementerian untuk meningkatkan penerapan nilai keusahawanan kepada pelajar bagi menggalakkan graduan bekerja sendiri dan mampu berdaya tahan dalam jangka masa panjang. Melalui pelaksanaan inisiatif *Job Creator Framework* di bawah Lonjakan 1, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 bagi Pendidikan Tinggi, pelajar diterapkan nilai dan kemahiran keusahawanan untuk menganjukkan minda mereka daripada hanya bermatlamat sebagai pencari kerja (*job seeker*) kepada pencipta kerja (*job creator*).

Di bawah strategi ini juga kapasiti dan keupayaan tenaga pengajar ditingkatkan agar mereka berupaya menyampaikan pengajaran dan memberikan bimbingan yang berkualiti kepada pelajar.

Sekian, terima kasih.